

# DHACODINE SYRUP

Pholcodine 15mg/5ml

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dhacodine
2. Bagaimana Dhacodine berfungsi
3. Sebelum mengambil Dhacodine
4. Cara menggunakan Dhacodine
5. Semasa menggunakan Dhacodine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dhacodine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dhacodine

Dhacodine digunakan untuk melegakan batuk kering yang tidak mengeluarkan kahak atau lendir di dalam dada.

## Bagaimana Dhacodine berfungsi

Dhacodine mengandungi *pholcodine* yang merupakan ubat penahan batuk. *Pholcodine* boleh digunakan untuk menghalang refleksi batuk dengan mengurangkan isyarat saraf yang dihantar dari satu bahagian otak yang dipanggil pusat batuk kepada otot yang menghasilkan batuk.

## Sebelum mengambil Dhacodine

- Bila tidak boleh mengambil  
Jangan mengambil Dhacodine jika:
  - anda alah (hipersensitif) kepada *pholcodine*, atau bahan-bahan lain dalam tablet.
  - anda mempunyai kegagalan hati
  - anda menghadapi kesukaran untuk bernafas
  - anda mempunyai tekanan darah tinggi atau penyakit jantung
  - anda mempunyai peningkatan tekanan di dalam tengkorak (*intracranial pressure*)
  - anda mempunyai asma
  - anda mengambil *monoamine oxidase inhibitor* (sejenis ubat *antidepressant* untuk kemurungan)

### • Sebelum mula mengambil

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhacodine jika:

- anda mengalami batuk jangka panjang atau asma
- anda hamil atau sedang menyusukan anak.

Jika anda tidak pasti sama ada perkara di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhacodine.

### • Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk yang berikut:

- Agen depresi sistem saraf pusat seperti sedatif dan trankuilizer (ubat yang digunakan untuk merawat keresahan dan ketegangan).

## Cara menggunakan Dhacodine

### • Berapa banyak harus diambil Dewasa:

15mg 2 hingga 3 kali sehari.

### • Kanak-kanak 5-14 tahun:

5-7.5mg 2 hingga 3 kali sehari.

### • Bila perlu diambil

Ambil Dhacodine pada masa yang sama setiap hari. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

### • Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Dhacodine tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### • Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil Dhacodine, ambilkannya secepat mungkin apabila anda ingat. Ambil dos seterusnya pada masa yang tepat. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

### • Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Jika anda (atau orang lain) telah mengambil banyak sirap pada masa yang sama, atau anda mengesyaki kanak-kanak mungkin menelannya, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dhacodine.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini. Gejala dos berlebihan ialah:

- kegelisahan
- keterujaan
- ataksia (pergerakan tidak selaras)
- mengantuk
- depresi respiratori (sukar bernafas)

## Semasa menggunakan Dhacodine

### • Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa mengambil Dhacodine tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika simptom masih berterusan atau tidak reda selepas beberapa hari, sila berjumpa dengan doktor.

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dhacodine.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### • Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berikan Dhacodine kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Jangan mengambil Dhacodine untuk merawat sebarang simptom yang lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

- Jangan ambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali

# DHACODINE SYRUP

Pholcodine 15mg/5ml

diberitahu oleh ahli farmasi atau doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Dhacodine boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jika anda rasa mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan jentera. Elakkan minuman beralkohol.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Dhacodine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami simptom-simptom berikut yang membimbangkan anda:

- Kegelisahan
- Loya dan mengantuk
- rasa teruja
- ataksia (kekurangan koordinasi otot)
- Pengambilan jangka panjang boleh menghasilkan toleransi dan pergantungan fizikal.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain yang membimbangkan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dhacodine

- Penyimpanan

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25°C dan lindungi dari cahaya. Simpan di dalam bekas kedap udara.

- Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan sirap yang belum digunakan kepada ahli farmasi

anda untuk dilupuskan. Hanya simpan sirap jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna kuning jelas, rasa manis dan perisa markisa.

## Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi 15mg pholcodine.

- Bahan-bahan tidak aktif

*Methyl hydroxybenzoate, Propyl hydroxybenzoate, citric acid monohydrate, granulated sugar, quinoline yellow, liquid glucose, passion fruit flavor, purified water*

- Nombor MAL

MAL19890531A

## Pengilang

**Drug Houses of Australia Pte. Ltd.**

#09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building,  
No. 2, Chia Ping Road,  
Singapore 619968

## Pemegang Produk

**Actavis Sdn Bhd**

Unit 304, Level 3, Uptown 2,  
No 2, Jalan SS21/37, Damansara  
Uptown, 47400 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

13-01-2015

## Nombor siri

BPFK(R4/1)130115/00009